



MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

KENYATAAN SEBUTHARGA 'B'

1. Tawaran adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat tempatan yang masih sah tempoh pendaftaran syarikat dan mempunyai kemampuan kewangan yang mencukupi bagi menyertai sebutharga berikut :-

| NO. SEBUTHARGA | TAJUK | KOD BIDANG |
|-------------------|--|------------|
| MPPD SH 153/2019 | PERKHIDMATAN KERJA-KERJA PENANGKAPAN DAN PENYIMPANAN ANJING LIAR DI KAWASAN MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON | 220902 |

2. Dokumen Sebut Harga yang perlu dilengkapkan dan dilampirkan adalah seperti berikut :-
 - i) Lampiran Q;
 - ii) Lampiran A,B,C,D,E & F
 - iii) Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia
 - iv) Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia
 - v) Salinan penyata bank syarikat
3. Borang sebutharga boleh diperolehi dan dimuat turun mulai **03 Oktober 2019** secara percuma melalui laman web www.mppd.gov.my.
4. Dokumen sebutharga di atas hendaklah dihantar melalui email kepada akma.mppd@gmail.com atau secara serahan tangan ke **Bahagian Perolehan, Pengurusan Aset dan Stor, Blok A, Majlis Perbandaran Port Dickson sebelum atau pada 07 Oktober 2019 (Isnin).** Dokumen yang lewat dikemukakan **TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN.**

5. **Tempoh sahlaku** sebutharga hendaklah sekurang-kurangnya **60 hari selepas tarikh tutup**.
6. Kerajaan tidak terikat untuk setuju terima sebutharga yang terendah atau mana-mana sebutharga. Keputusan yang dibuat adalah **MUKTAMAD**. Mana-mana syarikat yang tidak menerima pemakluman selepas 45 hari dari tarikh tutup sebutharga dianggap tidak berjaya.
7. Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut sila berhubung dengan **Puan Siti Norakmar Binti Abdul Wahab** di talian **06-6471122 sambungan 1906**.

Tandatangan :

Nama Pegawai : MOHD ZAMRI BIN MOHD ESA.....

Yang Dipertua

Jawatan : Majlis Perbandaran Port Dickson

Tarikh : 2 Oct 2009



**MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON
71009 PORT DICKSON
NEGERI SEMBILAN**

NASKAH SEBUT HARGA

**PERKHIDMATAN KERJA-KERJA PENANGKAPAN DAN
PENYIMPANAN ANJING LIAR DI KAWASAN
MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON**

NOMBOR SEBUT HARGA: MPPD SH 153/2019

TARIKH TUTUP SEBUT HARGA : 07 OKTOBER 2019

DIKELUARKAN OLEH:

JABATAN PENGUATKUASAAN

LAMPIRAN Q

Kew.284.Pin . 5/94

KERAJAAN MALAYSIA
ARAHAN PERBENDAHARAAN 170
NEGERI SEMBILAN

| |
|------------------|
| NO. SEBUTHARGA |
| MPPD SH 153/2019 |

SEBUTHARGA UNTUK BEKALAN/PERKHIDMATAN

Dokumen ini hendaklah disifatkan menjadi dan dibaca dan ditafsirkan sebagai sebahagian daripada Perjanjian Sebut harga .

Kepada (Nama Syarikat)

.....
.....
.....

No. Telefon :

No.Pendaftaran dengan Kementerian
Kewangan :

Kod Bidang Pendaftaran yang relevan
dengan pembelian ini **220902**

Pelawaan sebut harga dikeluarkan oleh:

Majlis Perbandaran Port Dickson
KM 1, Jalan Pantai, 71009
Port Dickson, Negeri Sembilan
No Telefon : 06-6471122

Tarikh :

1. Sila beri sebut harga untuk perkhidmatan yang disenaraikan di bawah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan:

- 1.1. Syarat penyerahan/penyempurnaan ke alamat seperti berikut:-
**Bahagian Perolehan, Pengurusan Aset dan Stor,
Majlis Perbandaran Port Dickson, KM1 Jalan Pantai,
71009 Port Dickson, Negeri Sembilan**
- 1.2. Tarikh penyerahan/penyempurnaan dikehendaki adalah **SEGERA**.
- 1.3. Sebutharga hendaklah di e-mail ke **akma.mppd@gmail.com** atau secara serahan tangan kepada yang berkenaan di alamat di atas tidak lewat pada jam **12.00 tengah hari, 07 Oktober 2019**.
- 1.4. Dokumen Sebutharga yang dihantar melalui serahan tangan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul berlakri dan bertanda nombor Sebut Harga **MPPD SH 153/2019**.
- 1.5. Tempoh sah laku sebut harga hendaklah 60 hari selepas tarikh tutup.

Tarikh : *2 Oct 2019*

Tandatangan



Nama Pegawai

: MOHD ZAMRI BIN MOHD ESA
Yang Dipertua

Jawatan

: Majlis Perbandaran Port Dickson

| Bil. | Perihal perkhidmatan dan Syarat-Syarat Khas | Kuantiti/ Kekerapan | Kadar (RM) | Harga (RM) |
|--------------------|---|--------------------------------------|----------------------------------|---------------|
| 1. | Perkhidmatan Kerja-Kerja Penangkapan Dan Penyimpanan Anjing Liar Di Kawasan Majlis Perbandaran Port Dickson Negeri Sembilan | * <i>Sila rujuk senarai lampiran</i> | *Wajib diisi oleh Penyebut Harga | |
| 2. | Sila kemukakan Bersama sesalinan dokumen berkaitan: <ul style="list-style-type: none"> • Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia • Sijil Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan Malaysia • Sila sertakan sesalinan penyata akaun bank terkini untuk 3 bulan terakhir. | | | |
| Jumlah (RM) | | | | |

- (i) Harga yang ditawarkan adalah harga bersih; dan
 (ii) Tempoh penyerahan/penyempurnaan ialah

Saya/Kami dengan ini menawar untuk membekalkan perkhidmatan di atas dengan harga dan syarat-syarat yang dinyatakan di atas tertakluk kepada syarat-syarat di atas dan di belakang ini.

Tandatangan
Penyebut Harga:.....

Nama dan K/P :.....

Alamat Syarikat:.....

Tarikh :.....

Mustahak – Lihat Syarat-syarat Am Di Belakang

A) ARAHAN KEPADA PENYEBUTHARGA

1. HAK MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON UNTUK MENERIMA / MENOLAK SEBUT HARGA

Majlis Perbandaran Port Dickson adalah tidak terikat untuk menerima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu sebut harga. Keputusan Jawatankuasa Sebut Harga adalah muktamad.

2. KAEDAH MELENGKAPKAN DAN PENYERAHAN DOKUMEN SEBUT HARGA

2.1 Penyediaan Sebut Harga

Penyebutharga adalah dikehendaki mengisi segala maklumat berikut dengan sepenuhnya menggunakan pen dakwat berwarna hitam :-

2.1.1 Dokumen Tawaran Harga

- a) Harga dan tandatangan penyebutharga di Ringkasan Sebut Harga (**Lampiran Q**)
- b) Borang Akuan Sebut Harga (**Lampiran A**)
- c) Surat Akuan Pembida (**Lampiran B**)
- d) Keterangan Mengenai Penyebut Harga (**Lampiran C**)
- e) Jadual Tawaran Harga / Spesifikasi Perkhidmatan (**Lampiran D**)
- f) Senarai Perkhidmatan yang sedang dilaksanakan (**Lampiran E**)
- g) Pengalaman Syarikat dalam Bidang kerja yang sama (**Lampiran F**)

2.1.2 Tawaran Harga kemudian dimasukkan dalam satu sampul surat dan dilakri sebelum dihantar.

* Jika berlaku kesilapan dalam mengisi maklumat-maklumat di atas penyebutharga hendaklah menandatangani ringkas semua pembetulan.

2.2 Penyerahan Dokumen Sebut Harga

- (a) Dokumen sebut harga perlu disahkan, ditandatangani dan dicop oleh pihak pembekal.
- (b) Dokumen sebut harga boleh dihantar melalui email, pos atau serahan tangan.
- (c) Sebut harga yang telah dihantar adalah **MUKTAMAD** dan tidak boleh dipinda.
- (d) Sebut harga yang diterima selepas tarikh tutup adalah **DITOLAK**.
- (e) Tarikh tutup penerimaan sebut harga adalah pada **07 Oktober 2019**.
- (f) Sebut harga yang dihantar secara serahan tangan atau pos dikemukakan dengan sampul surat berlakri (“sealed”) serta dilabelkan :-

“ PERKHIDMATAN KERJA-KERJA PENANGKAPAN DAN PENYIMPANAN ANJING LIAR DI KAWASAN MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON”

2.3 Penjelasan Lanjut

Sekiranya terdapat maklumat dalam Dokumen Sebut Harga yang tidak jelas atau bercanggah, penyebutharga boleh menghubungi **Puan Siti Norakmar Binti Abdul Wahab** di talian **06-6471122 samb. 1906** untuk penjelasan lanjut.

3. TEMPOH PERKHIDMATAN

Perkhidmatan ini diperlukan untuk tempoh **mengikut bilangan tangkapan yang ditetapkan bermula daripada penerimaan Surat Tawaran dan Surat Setuju Terima sehingga 15 Disember 2019**

4. PERBELANJAAN PENYEDIAAN SEBUT HARGA

Semua perbelanjaan bagi penyediaan sebut harga ini hendaklah ditanggung oleh Penyebut harga sendiri.

5. TEMPAT PENYERAHAN SEBUT HARGA

Sebut harga yang dihantar secara serahan tangan atau pos di alamat:

Bahagian Perolehan, Pengurusan Aset Dan Stor
Majlis Perbandaran Port Dickson
Km 1, Jalan Pantai
71009, Port Dickson, Negeri Sembilan

B. SYARAT-SYARAT AM

Penyebut harga hendaklah mematuhi sepenuhnya syarat-syarat ini apabila menyertai sebut harga. Kegagalan mematuhi mana-mana syarat di bawah ini membolehkan sebut harga tersebut tidak akan dipertimbangkan. Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam perlawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah dipakai, melainkan setakat mana syarat-syarat am itu ditolak atau diubah dengan khususnya oleh penyebut harga.

1. KELAYAKAN UNTUK MEMASUKI SEBUTHARGA

Penyebut harga yang hendak menyertai sebut harga ini hendaklah Berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah Pecahan Kepala **220902** Iaitu **Penangkapan/Menembak Haiwan**. Jika tempoh pendaftaran telah ataupun hampir tamat, penyebut harga hendaklah mengemukakan salinan surat daripada pihak yang berkenaan yang menyatakan bahawa permohonan lanjutan telah dibuat.

2. HARGA TAWARAN

- 2.1 Harga-harga yang ditawarkan adalah mengikut spesifikasi perkhidmatan yang telah ditetapkan.
- 2.2 Harga-harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun dan kos tambahan yang berkaitan serta Cukai Perkhidmatan sekiranya berkaitan.
- 2.3 Harga-harga yang ditawarkan adalah tetap dan tidak boleh dipinda selepas sebut harga ini ditutup dan akan berkuatkuasa selama dalam tempoh sah laku sebut harga.
- 2.4 Harga yang ditawarkan oleh penyebut harga yang berjaya hendaklah dipatuhi dan memperkenan jadual harga serta mematuhi arahan dan peraturan yang dikeluarkan oleh Kerajaan dari masa ke semasa sepanjang masa kontrak berjalan dan tidak boleh dibuat sebarang perubahan.

3. PERSETUJUAN

- 3.1 Majlis Perbandaran Port Dickson tidak terikat untuk setuju terima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga. Keputusan Jawatankuasa sebut harga adalah muktamad. Kerajaan tidak terikat untuk melayan sebarang surat-menurut yang berupa rayuan daripada penyebut harga yang berkenaan.
- 3.2 Penyebut harga yang berjaya dikehendaki menandatangani satu perjanjian kontrak dengan Kerajaan dan adalah terikat dengan syarat-syarat yang terkandung dalam perjanjian tersebut.

4. BON PELAKSANAAN

Bon Pelaksanaan hendaklah dikenakan bagi perolehan bekalan perkhidmatan dan kerja yang bernilai melebihi RM200,000.00 mengikut peraturan yang berkuatkuasa. Bagi perolehan yang bernilai sehingga RM200,000.00, Bon Pelaksanaan adalah dikecualikan.

5. PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH

- 5.1 Kesemua penyebut harga yang menghantar dokumen sebut harga hendaklah menandatangani **Surat Akuan Pembida** seperti di **Lampiran B** bahawa ia tidak akan menawar atau memberi rasuah sebagai sogokan untuk mendapatkan kontrak. Wakil syarikat yang menandatangani Surat Akuan Pembida hendaklah juga melampirkan **Surat Perwakilan Kuasa** menandatangani bagi pihak syarikat. Surat Akuan Pembida juga hendaklah dijadikan sebagai dokumen wajib yang perlu disertakan bersama dokumen tawaran penyebut harga.
- 5.2 Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawarkan atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan satu kesalahan jenayah dibawah *Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009*.

- 5.3 Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan* kepada mana-mana anggota Pentadbiran Awam, maka pihak yang ditawar atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke Pejabat Badan Pencegah Rasuah atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah *Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009*.
- 5.4 Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota Perkhidmatan Awam dan menyenaraihitamkan Kontraktor atau Pembekal boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah *Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009*.
- 5.5 Mana-mana Kontraktor atau pembekal yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barang dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota Perkhidmatan Awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah *Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009*.

6. PERAKUAN MENYATAKAN SPESIFIKASI TELAH DIPATUHI

Penyebut harga dikehendaki memperakui bahawa perkhidmatan yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut spesifikasi atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam pelawaan ini.

7. PENOLAKAN

- 7.1 Perkhidmatan yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada perkhidmatan yang telah dipersetujui sebut harganya boleh ditolak;
- 7.2 Apabila diminta, penyebut harga hendaklah menyebabkan perkhidmatan yang ditolak itu dipindahkan atas tanggungan dan perbelanjaannya sendiri, dan ia hendaklah membayar balik kepada Kerajaan segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengenai perkhidmatan yang ditolak itu; dan
- 7.3 Fasa 7.1 dan 7.2 di atas ini tidaklah memudaratkan apa-apa hak Kerajaan untuk mendapatkan ganti rugi kerana kegagalan memenuhi obligasi kontrak.

8. TAFSIRAN

Sebut harga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah dierangkan mengikut dan dikawal oleh Undang-Undang Malaysia, dan penyebut harga bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai sebut harga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

9. INSURANS

- 9.1 Penyebut harga hendaklah atas nama bersama Majlis Perbandaran Port Dickson dan Kontraktor mengambil Insurans Liabiliti Awam dan Insuran Perlindungan/Pampasan Pekerja (sekiranya dinyatakan di dalam butir-butir ringkasan sebut harga) bagi tempoh perlaksanaan kerja ini. Kontraktor hendaklah juga mengemukakan Nombor Kod Pendaftaran dengan PERKESO dalam masa empat belas (14) hari selepas penerimaan tawaran.
- 9.2 Penyebut harga yang telah berjaya hendaklah mengemukakan semua polisi insurans dan Nombor Kod Pendaftaran dengan PERKESO yang tersebut di atas sebelum memulakan Kerja. Bagaimanapun untuk tujuan memulakan Kerja sahaja, nota-nota perlindungan dan resit-resit bayaran premium adalah mencukupi.

10. CUKAI

Harga tawaran hendaklah dierangkan sebagai termasuk semua cukai dan unsur-unsur cukai adalah dikehendaki ditunjukkan berasingan.

11. MATA WANG

Sebut harga hendaklah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM).

12. TEMPOH SAH SEBUT HARGA

Sebut harga ini sah selama enam puluh (60) hari dari tarikh tutup sebut harga. Penyebut harga tidak boleh menarik balik sebut harganya sebelum tamat tempoh sah sebut harga. Tindakan tata tertib akan diambil sekiranya penyebut harga menarik balik sebut harganya sebelum tamat tempoh sah sebut harga.

13. SYARAT-SYARAT TAMBAHAN

Penyebut harga hendaklah mematuhi sepenuhnya syarat-syarat ini apabila menyertai sebut harga. Kegagalan mematuhi mana-mana syarat di bawah ini membolehkan sebut harga tersebut tidak akan dipertimbangkan. Peraturan-peraturan yang dinyatakan selepas ini adalah merupakan peraturan kerja rasmi. Penggunaannya adalah meliputi peraturan kerja wajib dilaksanakan oleh semua pengawal keselamatan.

PENENTUAN SYARAT-SYARAT DAN SPESIFIKASI PERKHIDMATAN KERJA-KERJA PENANGKAPAN DAN PENYIMPANAN ANJING LIAR DI KAWASAN MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON, NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS.

1. SYARAT-SYARAT KHAS

1.1 Tawaran adalah dipelawa untuk Perkhidmatan **Kerja-Kerja Penangkapan Dan Penyimpanan Anjing Liar** pada tiap-tiap hari jadual bekerja yang telah ditetapkan:-

- i) MPPD melantik Syarikat untuk melaksanakan kerja-kerja penangkapan Dan penyimpanan anjing liar, seperti mana yang akan diperincikan di dalam dokumen perjanjian mengikut kadar dan kekerapan yang ditetapkan dengan tanggungan risiko oleh Syarikat.
- ii) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan di dalam Perjanjian, Syarikat akan menerima perlantikan tersebut dengan kesediaan untuk menjalankan Perkhidmatan tersebut dengan bayaran yang ditetapkan di dalam Perjanjian serta tanggungan risiko olehnya sendiri.

1.2 Syarikat dikehendaki menandatangani dan memeterai dengan setem surat perjanjian. Isi perjanjian yang mengandungi terma dan syarat yang akan ditandatangan hendaklah mendapat persetujuan bersama sebelum dimetrai dengan setem.

1.3 Kerja –kerja yang dilaksanakan hendaklah mengikut spesifikasi, pelan, butir-butir kerja dalam ringkasan sebutharga dan syarat-syaratnya yang dinyatakan dalam Dokumen Sebutharga ini dan arahan oleh Pegawai Penguatkuasa atau wakilnya.

1.4 Syarikat hendaklah menyediakan dan menyerahkan kepada Majlis Perbandaran Port Dickson biodata berserta gambar (saiz passport) bagi semua pekerja bagi Kerja-Kerja Penangkapan Dan Penyimpanan Anjing Liar di dalam Daerah Port Dickson. Sebarang pertukaran pekerja hendaklah diberitahu kepada Majlis Perbandaran Port Dickson dengan serta merta.

2. SPESIFIKASI PERKHIDMATAN YANG DIBEKALKAN

2.0 Tertakluk kepada skop kerja yang diperincikan, pihak Syarikat adalah bertanggungjawab untuk melaksanakan perkara-perkara berikut sepanjang tempoh pelantikan :-

- a. Melaksanakan tugas-tugas penangkapan anjing liar bersama kakitangan MPPD yang bertugas dalam kawasan Majlis Perbandaran Port Dickson berdasarkan kepada jadual dan lokasi yang ditetapkan oleh Majlis.
- b. Pihak syarikat hendaklah mematuhi arahan pihak Majlis untuk melaksanakan tanggungjawab di lokasinya dan masa yang ditetapkan oleh Majlis.
- c. Memastikan setiap pekerja yang disediakan adalah berkebolehan, cekap dan amanah di dalam melaksanakan kerja-kerja yang diarahkan serta mengamalkan tingkah laku yang sopan dan berhemah.
- d. Memastikan setiap peralatan yang digunakan bagi tujuan penangkapan anjing adalah bersesuaian dan berada di dalam keadaan baik pada setiap masa.
- e. Sentiasa patuh kepada semua arahan MPPD atau mana-mana pihak berkuasa yang berkenaan samada dibuat secara bertulis ataupun secara lisan.
- f. Syarikat dikehendaki menyediakan tempat penyimpanan anjing yang telah ditangkap dalam tempoh 7 hari dari tarikh tangkapan.
- g. Sebarang tuntutan daripada pemilik anjing liar dalam tempoh 7 hari tersebut hendaklah merujuk kepada pihak MPPD terlebih dahulu
- h. Anjing liar yang telah tamat tempoh penyimpanan 7 hari , hendaklah diserahkan kepada pihak NGO atau Persatuan yang berdaftar.
- i. Syarikat hendaklah mengemukakan dokumen dan bukti penyerahan anjing liar yang telah diserahkan kepada NGO atau Persatuan yang berdaftar.

2.1 Semua pekerja penangkapan dan penyimpanan anjing liar yang bertugas hendaklah:-

- i) Terdiri daripada warga negara malaysia sahaja berumur antara 18 hingga 56 tahun;
- ii) Sihat tubuh badan, (sesalinan Sijil Pengesahan Perubatan hendaklah dikemukakan kepada Majlis Perbandaran Port Dickson sebelum anggota berkenaan mula bertugas);
- iii) Merupakan anggota yang terlatih dalam bidang kerja-kerja penangkapan dan penyimpanan anjing liar termasuk perhubungan awam dan kawalan trafik;
- iv) Tiada mempunyai catatan rekod jenayah dan bukan penagih dadah;

- 2.2 Mutu perkhidmatan yang dilaksanakan hendaklah memuaskan dan hanya sah dengan perakuan oleh pegawai yang diberi kuasa oleh Majlis Perbandaran Port Dickson.
- 2.3 Syarikat dikehendaki menyediakan Buku kedatangan Bertugas dan Buku Laporan Harian untuk catatan harian Kerja-Kerja Penangkapan Dan Penyimpanan Anjing Liar dan disahkan oleh kakitangan MPPD selepas tamat kerja-kerja penangkapan.

(LAMPIRAN A)

BORANG AKUAN SEBUT HARGA

Kepada:

.....
.....
.....

NOMBOR RUJUKAN SEBUT HARGA: MPPD SH 153/2019

Tuan,

PERKHIDMATAN KERJA-KERJA PENANGKAPAN DAN PENYIMPANAN ANJING LIAR DI KAWASAN MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON, NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

Merujuk kepada iklan tuan berkenaan perkara di atas, dan tertakluk kepada Arahan dan Syarat-syarat Am Kepada Penyebut harga, pihak yang bertandatangan di bawah menawarkan Perkhidmatan Kerja-Kerja Penangkapan Dan Penyimpanan Anjing Liar Di Kawasan Majlis Perbandaran Port Dickson, Negeri Sembilan Darul Khusus seperti mana sebahagian yang terkandung dalam kontrak serta bersetuju dengan spesifikasi yang ditetapkan berserta senarai harga yang disertakan bersama sebut harga.

Pihak yang bertandatangan di bawah bersetuju untuk terikat sepertimana yang ternyata dalam Arahan dan Syarat-syarat Am kepada penyebutharga, spesifikasi dan jadual harga, dan bersetuju dengan harga berdasarkan kepada nilai perkhidmatan yang ditawarkan dari semasa ke semasa.

Seterusnya, pihak yang bertanda tangan di bawah bersetuju untuk menyiapkan pembekalan dan penghantaran mengikut Arahan dan Syarat-syarat Am Kepada penyebutharga yang diberikan. Pihak bertandatangan di bawah pasti, selepas penelitian, dokumen yang digunakan dalam sebut harga ini adalah salinan asal seperti yang termasuk dalam cadangan sebutharga.

Tandatangan
Penyebut harga :

Tandatangan kepada
saksi Penyebut harga:

Nama dan Alamat :
Syarikat :
Tarikh :

Nama dan Alamat :
Syarikat :
Tarikh :

SURAT AKUAN PEMBIDA

**PERKHIDMATAN KERJA-KERJA PENANGKAPAN DAN PENYIMPANAN ANJING LIAR DI
KAWASAN MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON, NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS
(NOMBOR SEBUT HARGA: MPPD SH 153/2019)**

Saya,....., Nombor K.P yang mewakili
.....(Nama Syarikat) Nombor Pendaftaran
..... atau mana-mana individu yang mewakili
syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam Majlis
Perbandaran Port Dickson atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam
sebut harga seperti di atas. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya
mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengistiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah
menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Majlis Perbandaran Port
Dickson** atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebut harga seperti di
atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil :

- 2.1 penarikan balik tawaran kontrak bagi sebut harga diatas; atau
- 2.2 penamatan kontrak bagi sebut harga di atas; dan
- 2.3 lain-lain tindakan tatatertib mengikut Peraturan Perolehan Kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-
manu individu berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebut harga seperti
diatas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada Pejabat
Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....
Nama :
No. KP:
Cop Syarikat :

Catatan : *Potong mana yang tidak bekenaan

(LAMPIRAN C)

KETERANGAN MENGENAI PENYEBUT HARGA

1. NAMA PENYEBUT HARGA :

(Syarikat)

2. ALAMAT PENYEBUT HARGA :

i. Ibu Pejabat : _____

ii. Cawangan : _____

3. TELEFON PENYEBUT HARGA :

i. Ibu Pejabat : _____
ii. Cawangan : _____
iii. No. Fax : _____

4. PENDAFTARAN DENGAN KEMENTERIAN KEWANGAN :

i. Tempoh Pendaftaran Mulai : _____
(Sila sertakan salinan sijil) Hingga : _____

ii. Taraf Penyebut harga : *Bumiputra/Bukan Bumiputra
(Sila sertakan sijil pengiktirafan yang dikeluarkan
oleh Kementerian Kewangan Malaysia)

5. LESEN KEMENTERIAN DALAM NEGERI

Tempoh Pendaftaran Mulai : _____
(Sila sertakan salinan sijil) Hingga : _____

6. MODAL PENYEBUT HARGA : (Isi mana yang berkenaan sahaja)

i. Perseorangan / Perkongsian : RM _____

ii. Sendirian Berhad (Sdn. Bhd.) / Berhad (Bhd) :

Modal Dibenar : RM_____

• Modal Dibayar : RM_____

• **Penyebut harga WAJIB menyertakan FORM 24 Companies Act, 1965 (RETURN OF ALLOTMENT OF SHARES). Kegagalan menyertakan borang berkenaan akan menyebabkan Sebut harga tidak akan dipertimbangkan.**

7. BUTIR-BUTIR PEMILIKAN (OWNERSHIP)

i. Perseorangan :

Nama Pemilik : _____ No. K/P: _____

ii. Perkongsian :

| Nama Pekongsian | No. K/Pengenalan | % Kongsian |
|-----------------|------------------|------------|
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |

• Sendirian Berhad / Berhad

| Nama Pemegang Saham | No. K/Pengenalan | % Bahagian |
|---------------------|------------------|------------|
| | | |
| | | |
| | | |

• Ahli Lembaga Pengarah

| Nama | No. K/Pengenalan | Keturunan |
|------|------------------|-----------|
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |

(Sila guna kertas berasingan jika tidak mencukupi)

8. **PENYATA KEWANGAN BAGI 3 BULAN TERAKHIR**

(Berdasarkan kepada bulan tarikh Sebut harga dikeluarkan)

- Penyebut harga WAJIB menyertakan PENYATA KEWANGAN ini. Kegagalan menyertakan borang berkenaan akan menyebabkan Sebut harga tidak akan dipertimbangkan.

(LAMPIRAN D)

JADUAL TAWARAN HARGA / SPESIFIKASI PERKHIDMATAN KERJA-KERJA PENANGKAPAN DAN PENYIMPANAN ANJING LIAR DI KAWASAN MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON, NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

| BIL | BUTIRAN KAWALAN PERJALANAN | HARGA SEEKOR (RM) |
|-----|--|-------------------|
| 1. | Kerja-Kerja Penangkapan Dan Penyimpanan Anjing Liar Di Kawasan Majlis Perbandaran Port Dickson, Negeri Sembilan Darul Khusus | |

*Harga tawaran hendaklah diertikan sebagai termasuk semua cukai dan unsur-unsur cukai adalah dikehendaki ditunjukkan berasingan.

(LAMPIRAN E)

SENARAI PERKHIDMATAN YANG SEDANG DILAKSANAKAN SYARIKAT

| Bil. | Nama/Jenis Kontrak | Nama dan Alamat Penuh Jabatan/Institusi | Harga Kontrak (RM) | Tempoh Kontrak | | Nama /No. Telefon Pegawai Jabatan yang Bertanggungjawab |
|------|--------------------|---|-----------------------|----------------|-------|---|
| | | | | Mula | Tamat | |
| | | | | | | |

(LAMPIRAN F)

**PENGALAMAN SYARIKAT DALAM BIDANG KERJA YANG SAMA DENGAN SEBUT HARGA
YANG DITAWARKAN**

| Bil. | Nama/Jenis Kontrak | Nama dan Alamat Penuh Jabatan/Institusi | Harga Kontrak (RM) | Tempoh Kontrak | | Nama/No. Pegawai yang Bertanggungjawab | Telefon Jabatan |
|------|--------------------|---|-----------------------|----------------|-------|--|-----------------|
| | | | | Mula | Tamat | | |
| | | | | | | | |